

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. IR SHAHARUDDIN BIN ISMAIL

TARIKH: 19 JUN 2014

SOALAN:

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memantau operasi syarikat-syarikat yang tidak menyediakan skim insurans kepada kakitangan tetap atau kontrak. Apakah tindakan yang diambil bagi membela nasib pekerja yang teraniaya akibat sikap majikan yang tidak bertanggungjawab.

PR-1322-L61413

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Perlindungan keselamatan sosial di negara ini terbahagi kepada dua (2) iaitu bagi pekerja tempatan dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969. Manakala pekerja asing pula dilindungi oleh Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273).

2. Antara tindakan-tindakan pemantauan yang diambil oleh PERKESO adalah seperti berikut:-

- i. Pemeriksaan berjadual sepanjang tahun;
- ii. Mengadakan Ops Kesan PERKESO setiap tahun;
- iii. *Smart Detection* dengan melaksanakan aktiviti pengesanan ke atas majikan dengan kerjasama di antara agensi iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Tenaga Kerja dan lain-lain agensi berkaitan;
- iv. Hebahan melalui media massa dan elektronik;
- v. Pemasangan banner di tempat awam dan edaran poster; dan
- vi. Program pemutihan PERKESO

3. Kegagalan majikan mendaftar dengan PERKESO boleh dikenakan kompaun atau didakwa di Mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau kedua-duanya.

Tuan Yang Di Pertua

4. KSM juga menerusi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan menjalankan pemeriksaan berkanun ke setiap premis-premis majikan untuk memastikan majikan mematuhi Akta 273. Tindakan pendakwaan akan diambil ke atas majikan sekiranya tidak mematuhi akta.

5. Selain itu, pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM) juga telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mensyaratkan majikan menginsuranskan semua pekerja asing sebelum permohonan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) diluluskan.